

# eBULETIN JSKM

KHAS KEMERDEKAAN KE 65



#**KELUARGA  
MALAYSIA**  
**TEGUH BERSAMA**

**EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2022**

# ISI KANDUNGAN

Muka  
surat

**03**

Setinta Aluan

**04**

Seulas Aluan

**05**

Logo, Tema dan  
Lagu Kebangsaan  
2022

**06**

Merdeka Jiwa  
Hamba

**07**

Inilah Kisah  
Kita

**08**

Tanjak yang  
Menghilang

**09**

Pantun Bunga  
Merdeka

**10**

Kemerdekaan  
Malaysia

**11**

Merdeka  
65 Tahun

**12**

Kita Anak  
Malaysia!

**13**

Silang Kata  
Merdeka

**14**

Tanggal  
31 Ogos

**15**

Detik Bersejarah

**16**

Tempat Bersejarah  
di Malaysia

**18**

Tanah Airku

**19**

Sajian Makanan Bertemakan  
Jalur Gemilang  
Bendera Malaysia

**22**

Kemerdekaan

**23**

Sejarah Logo  
Hari Kemerdekaan Malaysia

**25**

Muslim yang  
Merdeka

**26**

Jom Kenali  
Bunga Raya

**27**

Warna Warni Sambutan Hari  
Kemerdekaan Peringkat UiTM  
Cawangan Pulau Pinang

## SIDANG REDAKSI

**Penasihat**

Ts. Dr. Rozita Kadar

**Editor**

Zuraira Libasin

Ts. Dr. Rozita Kadar

**Reka Bentuk Muka Hadapan**

Ahmad Rashidi Azudin

**Ketua Editor**

Ts. Jamal Othman

**Mohd Syafiq Abdul Rahman**

Saiful Nizam Warris



KELUARGA  
MALAYSIA

# SETINTA ALUAN



Alhamdulillah, Unit Penerbitan & Publisiti Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang berjaya menerbitkan keluaran khas Kemerdekaan Malaysia yang ke 65. Keluaran edisi khas pada kali ini mengumpulkan karya-karya yang berbentuk perkongsian pengalaman, puisi, pantun dan pelbagai karya kreatif yang dinukilkan oleh pensyarah JSKM yang sangat berbakat, kreatif dan inovatif. Hampir 20 karya kreatif telah dikemukakan dan diterbitkan dalam keluaran khas ini. Jawatankuasa, mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan karya-karya yang telah dikemukakan.

Pada tahun ini, negara Malaysia menyambut kemerdekaan yang ke 65 dengan tema sambutan kemerdekaan "KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA". Negara kita yang terdiri dari pelbagai bangsa dan ugama, seharusnya kita berganding bahu tanpa mengira ugama, bangsa dan kaum, mengekalkan persahabatan sesama bangsa atau kaum. Berapa ramai dari kita yang memahami erti kemerdekaan dan menghayatinya. Setiap warga Malaysia wajib memahami maksud kemerdekaan serta mengekalkan kemerdekaan ini. Bukan mudah untuk tokoh kemerdekaan sebelum ini mengekalkan kemerdekaan. erti kemerdekaan ini perlu diperjelaskan kepada anak-anak kerana mereka adalah pemimpin masa hadapan. Pemimpin masa hadapan perlu disemai dengan semangat cintakan negara dan sanggup berkorban mempertahankan negara dari dicerobohi oleh musuh.

Seperti mana yang pernah disebut oleh Pendeta Za'ba, kemerdekaan yang sebenar adalah kemerdekaan minda dan jiwa yang dipupuk menerusi pembinaan jati diri yang dibentuk oleh empat aspek utama: agama, bahasa, pendidikan dan sikap (akhlik). Aspek terpenting di antara keempat-empat itu sudah tentulah agama. Menurut Za'ba, hanya dengan agama sahajalah jiwa manusia akan mengecapi kemerdekaan yang sebenar.

Merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan fizikal semata-mata. Kepesatan teknologi hari ini telah memudahkan ancaman penjajahan bentuk baharu terutamanya dalam bentuk budaya dan pemikiran. walaubagaimanapun, kita lah yang perlu mencorakkan dengan hemah dan memanfaatkan teknologi yang ada agar ia nya tidak dicemari dengan unsur negatif.

Justeru, konsep kemerdekaan tidak boleh berdiri secara sendiri dan mutlak. Ia harus disandarkan dengan akal dan jiwa manusia yang murni. Hanya dengan membebaskan jiwa dan minda daripada segala dogma yang sesat dan sempit menerusi rasional akal, ajaran agama serta akhlak yang baik sahaja akan mampu menerbitkan erti merdeka yang sebenar. InsyaAllah.

Ketua Editor

Buletin Khas Kemerdekaan ke 65



KELUARGA  
MALAYSIA

# SEULAS ALUAN



Puji syukur atas rahmat Allah SWT serta berkat kurnia-Nya sehingga penerbitan e-Buletin "Edisi Khas Kemerdekaan Malaysia ke 65" berjaya diterbitkan.

Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah atas usaha cemerlang Ketua Editor, jawatankuasa Unit Penerbitan dan semua yang terlibat dengan penerbitan Buletin Edisi Khas ini. Terima kasih juga kepada semua staf JSKM diatas sokongan sehingga kita dapat mewujudkan naskah penting ini.

Dengan terbitan artikel bertemakan kemerdekaan dapat memperingati Hari Kemerdekaan Negara dan memberi kesedaran kepada kita semua erti kemerdekaan di samping mengetahui rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum dan selepas merdeka. Dengan artikel-artikel yang diterbitkan ini juga, dapat menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan di kalangan kita. Penerbitan seperti ini perlu diteruskan dan dipupuk. supaya kita akan terus memahami erti kemerdekaan.

Hari Kebangsaan yang ke 65 pada tahun ini bertemakan Keluarga Malaysia Teguh Bersama. Marilah kita sama-sama menterjemahkan tema ini di dalam kehidupan kita supaya dapat melahirkan masyarakat yang hidup aman damai dan bersatu padu dengan penuh kesyukuran serta kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif serta mampan.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga dan idea sehingga terbitnya buletin ini. Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum W.B.T

Ts Dr. Rozita binti Kadar  
Koordinator  
Jabatan Sains Komputer dan Matematik



## LOGO, TEMA DAN LAGU HARI KEBANGSAAN 2022



Hashtag Keluarga Malaysia merujuk kepada masyarakat yang hidup aman damai dan bersatu padu dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Teguh membawa maksud bermaksud kukuh, kuat dan erat. Bersama bermaksud bersama-sama, berserta atau bergandingan. Manakala frasa TEGUH BERSAMA mendukung maksud kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif serta mampan.

Logo tahun ini berkonsepkan jalur liputan Internet melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat. Ia juga melambangkan kebersamaan, komited untuk terus maju ke hadapan serta keberadaan teknologi terkini yang menjadi penghubung kehidupan ekonomi rakyat.

Jalur merah, biru dan kuning mencerminkan keluarga Malaysia terdiri dari pelbagai kaum & latar budaya serta hidup harmoni. Titik merah melambangkan jati diri & semangat patriotik yang menjadi teras pembentukan negara berdaulat & berwawasan. Kedudukan berselang seli melambangkan keterbukaan dalam meraikan perbezaan & kepelbagaian demi kemajuan bersama.



### LAGU HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2022 “KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA”

Oooooo  
Laungan kita  
Malaysiaku Tanah airku  
Negaraku Malaysiaku  
Lihatlah kita  
Wahai bangsaku  
Setiap jiwa pasti bangga  
Atas nama bangsa Malaysia  
Sekian lama merdeka  
Tertumpahnya cinta  
Usia kita makin dewasa  
Berkali-kali kita diuji  
Kasihnya bangsa dibela  
Maruah dijaga  
Keluarga Malaysia Teguh Bersama 2x

Chorus 1 :  
Oooooo  
Laungan kita Malaysiaku  
Tanah airku  
Negaraku Malaysiaku  
Lihatlah kita wahai bangsaku

Chorus 2:  
Semaikan cinta gerak  
Hati pasti murni  
Nyala semangat dipalu  
Kita bagaikan aur dengan tebing  
Keluarga Malaysia Teguh Bersama  
Hei hei hei hei  
Keluarga Malaysia  
Hei hei hei hei  
Teguh Bersama



KELUARGA  
MALAYSIA



## MERDEKA JIWA HAMBA

DR ELLY JOHANA JOHAN

Berjiwa hamba  
Tidak bermakna terkurung dan terpenjara  
Tunduk patuh dan sujud kepadaNya  
Memerdekaakan diri dari sifat tercela

Ya Allah  
Anugerahkan merdeka pada jiwa hamba  
Dari mensyirikkan diriMu yang Maha Berkuasa tanpa sengaja

Ya Allah  
Anugerahkan merdeka pada jiwa hamba  
Dari kebergantungan pada makhluk selain dari diriMu yang  
Maha Kaya

Ya Allah  
Anugerahkan merdeka pada jiwa hamba  
Dari belenggu kehidupan dunia yang sia-sia

Ya Allah  
Anugerahkan merdeka pada jiwa hamba  
Sehingga kau sebagai pencipta menerima diriku dalam  
keadaan fitrah semula

Ya Allah  
Anugerahkan merdeka pada jiwa hamba  
Dalam erti kata merdeka yang sebenar-benarnya

Monolog Kalbu  
ME Qalam Ehsan



# INILAH KISAH KITA

Noor 'Aina Abdul Razak

Sudah 32 tabun kita tinggalkan bumi di sebalik Pulau itu. 32 tahun tetap masih terasa seperti baru saja berlalu. Zaman kanak-kanak Ribena bergelumang tawa ria gurau senda sesama kita. Sesekali bila berjumpa, cerita kita tak pernah sunyi daripada kisah-kisah 32 tahun yang lalu.

Tahun ini, tarikh 31 Ogos muncul lagi. Ia pasti muncul bersama nostalgia kita ketika menetap di Pondok Upeh dahulu. Setiap kali muncul tarikh keramat buat Malaysia, kita tak pernah sunyi daripada pelbagai acara.

Sambutan merdeka kita dipenuhi pelbagai aktiviti yang telah disusun buat para warga. Masih ingat tak lagi? Persembahan pentas tingkatan kita? Bila komunis bermaharajalela di kampung-kampung. Memusnahkan harta benda dan juga manusia.

Persembahan yang menjadi sebutan para warga ketika itu. Viral! Ketika zaman kita tiada facebook, tiktok dan insta. Si komunis durjana lakonan Mat Wak yang sanggup merosakkan mak dan anak dara. Kuncu-kuncunya yang tumpang sekaki menodai wanita yang ada. Kain batik dilempar dari bujung sini ke sana pentas, simbolik peristiwa. Di sebalik tirai merah cuba menggambarkan kekejaman yang berlaku zaman Jepun menjadi penjajah! Ali, Ana dan Ida satu keluarga bahagia musnah sekelip mata. Hang memang jabat Mat Wak, sesuai dengan muka komunis!

Lakonan yang sangat mantap daripada semua. Tepukan gemuruh memecah Dewan Besar kita pada malam merdeka. Stroboskop makmal mana yang jadi mangsa? Kesan penggunaannya sangat memukau penonton yang setia.

Setiap tahun menjelang merdeka, detik 12 malam pasti ditunggu kita. Union Jack diturunkan dan bendera Malaysia dinaikkan dengan bangga. Berkumandang nyanyian Negaraku di tengah malam membelah bukit bukau di sekitar sekolah. Dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, detik 12 malam pasti tertera dalam minda.

Deklamasi puisi dan sajak sudah tentu ada. Ingatkah kita pada si genit kak Zeti Akhtar yang sangat berbakat dalam bidangnya. Bila melantun puisi, meremang bulu rom. Kita juga ada wakil. Cik Mar dengan puisi Ke Makam Bonda pada satu sambutan merdeka. Juga Akram dengan "kota yang dibina dari tulang temulang".

Hari Merdeka, pernah juga kita berarak melaungkan 'Merdeka! Merdeka! Merdeka!' Dengan pakaian ala-alan orang kampung. Lelaki berpelikat dan t-shirt pagoda, yang perempuan berkain batik dan baju Kedah. Kita bermula dari luar pagar, berarak masuk ramai-ramai ke dalam kawasan sekolah. Sembang gelak ketawa saja yang lebih. Laungan Medeka! hanya semangat bila mula mengorak langkah. Makin lama, makin halus bunyinya. Yang didengar hanya Deka! Deka! Deka!

Koir kemerdekaan dan pertandingan kawad juga ada. Semuanya bagi mengisi sambutan Hari Merdeka. Tabun ini, bagaimana pula kita menyambutnya? Kita hanya mengimbau kisah yang kita lalui pada masa lampau dengan senyuman terukir di bibir. Begini rupanya kita satu ketika dulu. Inilah kisah kita.

-NAAR-



TANJAK YANG MENGHILANG ...

Nor Hanim Abd Rahman

### *Zaman ini*

Manusia kuat-kuat  
Tenaga hebat-hebat  
Harta jebat-jebat  
Aqal karat-karat.



### *Zaman ini*

Age is just numbers  
Born to be free  
Lets go back to nature  
Freedom of speech  
World without borders  
Hijab-niqab is fashion  
Our rights ... katanya.

### *Zaman ini*

Tanpa sempadan  
Tanpa jaringan  
Tanpa halangan  
Tanpa ikatan  
Kebebasan ... sebuah kemerdekaan.

### *Dekad ini*

'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' 2022  
'Malaysia Prihatin' 2021 & 2020  
'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' 2019  
'Sayangi Malaysiaku' 2018  
'Negaraku Sehari Sejiwa' 2017  
'Sehati Sejiwa' 2016  
Lirikan Tanjakan Sebuah Kemerdekaan  
Sebuah kebanggaan ...  
Bangga .. Merdekakah kita ???

@Nukilan nbarz



KELUARGA  
MALAYSIA

# PANTUN BUNGA MERDEKA

## Nurhafizah Ahmad



Tumbuh subur bunga cempaka,  
Bunga orkid menjadi idaman,  
65 tahun negara merdeka,  
Negara maju menjadi impian.

Pergi menampi padi huma,  
Sambil ke sungai menjala ikan,  
Keluarga Malaysia Teguh Bersama,  
Itulah tema hari kebangsaan.

Kembang mekar bunga rafflesia,  
Hinggap di pohon si burung gagak,  
Pelbagai bangsa uniknya Malaysia,  
Perpaduan kaum menjadi tunggak.

Putih bersih si bunga tanjung,  
Kembang jelita harum baunya,  
Adat dijunjung budaya disanjung,  
Anak bangsa perlu warisinya.

Cantiknya mawar berwarna merah,  
Tapi sayang tangkainya berduri,  
Usah biarkan minda dijajah,  
Bebaskan diri kuatkan jati diri.





## KEMERDEKAAN MALAYSIA Norshuhada Samsudin



Sungguh enak buah melaka,  
Di makan bersama ditepi sawah,  
31 Ogos negara kita merdeka,  
Bebas dari cengkaman penjajah.

Laungan kemerdekaan terus bergema,  
Sebagai menghargai para pahlawan,  
Keluarga Malaysia Teguh Bersama,  
Tema rasmi Hari Kebangsaan.

Bunga raya teguh berdiri,  
Warna merah gagah perkasa,  
Pemimpin negara kita kagumi,  
Tidak mengira keturunan, agama dan bangsa.

Mat Kilau pahlawan gagah,  
Pertahankan tanahair walaupun payah,  
Jalur gemilang berkibar megah,  
Tanda bebas dari cengkaman penjajah.

Dari utara ke selatan,  
Pelbagai etnik, bangsa dan budaya,  
Semoga Malaysia terus aman,  
Rakyat bersatu negara berjaya.





KELUARGA  
MALAYSIA



## MERDEKA 65 TAHUN

Azlina Binti Mohd Mydin, Wan Anisha Binti Wan Mohammad,  
Rafizah Binti Kechil


# *Merdeka 65 tahun*

**Indah sungguh halaman Pak Baba  
Bunga ditanam merata-rata  
31 Ogos menjelang tiba  
Tarikh kemerdekaan negara kita.**

**Gua batu tempat bertapa  
Hutan simpan penempatan gajah  
Sejarah kemerdekaan jangan dilupa  
Beratus tahun kita dijajah**

**Mat Kilau pejuang agama  
Berani, kuat, gagah perkasa  
Pengorbanan pemimpin tunjang  
utama  
Rakyat bersatu berbilang bangsa**

**Tanah bendang rumah pusaka  
Bumi bertuah indah permai  
65 tahun kita merdeka  
Rakyat hidup aman dan damai**





KELUARGA  
MALAYSIA



## Kita Anak Malaysia!

Fuziatul Norsyiba Ahmad Shukri & Fadzilawani Astifar Alia

Dari Perlis ke negeri Melaka,  
Singgah sebentar di Kota A' Famosa,  
65 tahun sudah Malaysia merdeka,  
Hidup sejahtera aman sentosa.

Memetik bunga di taman astaka,  
Harum bunga sungguh terpesona,  
Melayu, cina mahu pun india kita bersaudara,  
Ayuh Keluarga Malaysia teguh bersama.

Masuk ke hutan mencari pegaga,  
Pergi bersama anak Pak Husin,  
Bersyukur kita kebajikan terjaga,  
Itulah lambangnya Malaysia prihatin.

Menjemur pakaian di tepi perigi,  
Dari pagi hingga terbenam suria,  
Biarpun dugaan dan cabaran silih berganti,  
Tetaplah sayangi negara Malaysia.




# Silang Kata Merdeka

## Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri



KELUARGA  
MALAYSIA



### Menegak

1. Tema kemerdekaan tahun 2021
4. Bilangan prinsip rukun negara
6. Tempat pengisytiharan kemerdekaan
8. Pereka Jalur Gemilang

### Melintang

1. Bulan kemerdekaan
3. Bapa kemerdekaan
5. Bunga kebangsaan
7. Bilangan laungan "MERDEKA" yang dilaungkan oleh bapa kemerdekaan semasa pengisytiharan kemerdekaan
9. Wayang pertama yang ditayangkan di Malaya
10. Maksud warna biru dalam Jalur Gemilang



**TANGGAL 31 OGOS..**

*Wan Anisha Wan Mohammad, Azlina Mohd Mydin & Rafizah Kechil*

Di keheningan malam....  
tarikh keramat...31 Ogos 1957...  
tepat jam 12 tengah malam...  
di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur  
turunnya bendera Union Jack..  
menandakan berakhirnya penjajahan British ke atas Tanah  
Melayu..

pagi itu...  
menyaksikan satu peristiwa...  
yang tidak dapat dilupakan oleh seluruh rakyat  
ribuan manusia berkumpul..  
tanpa mengira bangsa dan agama...  
menantikan detik bersejarah...

tujuh batalion mengiringi perarakan..  
mengadap sembah di hadapan raja-raja melayu..  
bersama 30 orang wakil negara Komenwealth..

tepat 9.30 pagi...  
Tuanku Abdul Rahman melaungkan..  
Merdeka..  
Merdeka..  
Merdeka..  
Merdeka..  
Merdeka..  
Merdeka...  
Merdeka..

menandakan bebasnya negara daripada tangan penjajah...  
ratusan tembakan meriam...  
menyerikan suasana dan menyemarakkan semangat  
kemerdekaan..  
diiringi laungan azan...  
dan lagu Negaraku berkumandang...  
buat pertama kalinya..



KELUARGA  
MALAYSIA

# DETIK BERSEJARAH

Wan Nur Shazayani Wan Mohd Rosly



1957 tarikh keramat  
laungan merdeka penuhi angkasa  
semangat membara segenap warga  
pemimpin waja negara perkasa  
berganding babu bebaskan diri  
dari penjajah berkurun lama

bersama berhimpun bersorak setia  
seluruh alam menjadi saksi  
mata telinga turut sedia  
menggenggam kemas amanah bangsa  
merdeka!! merdeka!! merdeka!!

# TEMPAT BERSEJARAH DI MALAYSIA

SHARIFAH SARIMAH



Di Malaysia, banyak tempat dan bangunan bersejarah yang masih kukuh dan sering perbattan para pelancong tempatan maupun pelawat dari negara luar. Tempat dan bangunan bersejarah ini perlu dikekalkan supaya ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’ untuk menjadi tatapan generasi yang akan datang.

Q	E	U	N	J	K	O	T	A	A	F	A	M	O	S	A
O	T	B	U	K	I	T	K	E	P	O	N	G	M	E	T
M	H	U	A	N	F	H	X	B	Y	R	E	A	A	L	I
A	E	K	T	S	H	E	M	N	O	T	O	W	S	T	R
S	S	I	S	T	H	S	I	J	N	C	R	I	J	S	E
J	U	T	U	N	G	T	K	I	N	O	W	H	I	A	H
I	F	C	H	I	N	A	S	B	H	R	I	G	D	C	G
D	F	I	S	H	S	D	E	E	P	N	R	Q	J	S	R
Z	O	N	E	K	H	T	P	T	G	W	A	N	A	E	A
A	L	A	E	D	D	H	I	N	G	A	I	L	M	I	M
H	K	V	I	L	E	U	N	Z	Z	L	U	P	E	L	U
I	H	S	K	I	E	Y	B	I	L	L	K	M	K	L	B
R	O	J	S	P	E	S	M	A	I	I	L	T	I	E	U
M	U	S	I	M	P	A	S	I	R	S	A	L	A	K	K
K	S	K	E	K	L	O	K	S	I	T	E	M	P	L	E
P	E	R	I	G	I	H	A	N	G	T	U	A	H	S	T

**Cuba carikan tempat bersejarah tersebut dengan merujuk pembayang di bawah.**

1. Penganas komunis telah menyerang Balai Polis -----.
2. Dato Sagor dan Dato Maharajalela.
3. ----- mempunyai empat Menara dengan tembok setebal 2.4 meter hingga 4.5 meter.
4. Dibina pada tahun 1905 iaitu -----.
5. Dinding ----- setinggi lebih kurang 10 kaki dibina dalam bentuk bintang.
6. ----- dibina oleh pemerintahan Belanda.
7. ----- berperanan sebagai tempat pertahanan utama Raja Brooke.
8. Lokasi ----- berhampiran dengan perigi Hang Li Poh.
9. ----- mempunyai 5 kubah yang melambangkan 5 rukun Islam.
10. Kuil tertinggi, tiang granit tertinggi dan patung tertinggi Kuan Yin ialah -----.
11. ----- tidak pernah kering walaupun dimusim kemarau panjang.
12. Istana Bandar atau lebih dikenali sebagai Istana -----.
13. Rumah agam yang pertama dibina oleh penjajah-penjajah British di Pulau Pinang ialah -----.
14. ----- terletak berhampiran dengan Dataran Merdeka.



## Tanah Airku

Nur Azimah Binti Idris

*Mari mengenang kembali,  
Episod perjuangan nenek moyang kita,  
Rela berkorban keringat, barta dan nyawa,  
Demi kebebasan bakiki dari belenggu penjajah,*

*Erti cekal dan usaha tanpa lelah,  
Kerjasama yang utuh terjalin kesepakatan,  
Akhirnya Tanah Melayu merdeka dengan penuh  
kesyukuran,*

*Ku titipkan doa buat tanah air tercinta,  
Agar keamanan dan kemakmuran terus terpelihara,  
Nikmat kedamaian yang dikehendaki kekal selamanya.*



KELUARGA  
MALAYSIA

## Sajian Makanan Bertemakan Jalur Gemilang Bendera Malaysia.



Siti Asmah Mohamed

Sebagai rakyat Malaysia yang kreatif, pelbagai cara boleh dilakukan untuk menzahirkan rasa cinta kepada negara dan semangat patriotik sempena sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos. Pada kebiasaannya, kita akan mengibarkan jalur gemilang di kediaman rumah, pusat-pusat membeli belah, sekolah, bangunan perniagaan dan kenderaan, malah tidak kurang juga ada yang tampil berani untuk memakai pakaian bertemakan corak kemerdekaan. Selain dari apda itu kita boleh mengabadikan rasa cinta kepada negara dengan memberikan sentuhan bertemakan corak keramat ini dalam bentuk makanan. Pelbagai juadah sajian makanan di Malaysia boleh didekorasi dan digubah secara kreatif dan menarik bertemakan corak jalur gemilang untuk mencipta kelainan bagi menarik perhatian masyarakat di Malaysia untuk menjiwai semangat kemerdekaan. Jadi disini dikongsikan pelbagai juadah sajian makanan yang didekorasi oleh masyarakat Malaysia berbilang kaum dan bangsa dengan bertemakan bendera Malaysia. Melalui pendekatan ini, kita bukan sahaja dapat mempamerkan keupayaan menterjemahkan nilai kreatif yang menarik dan boleh dikomersialkan, sekali gus dapat memenuhi inspirasi iaitu menzahirkan semangat patriotisma sempena pengisian hari Kebangsaan Malaysia.

Sumber Rujukan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857026/jalur-gemilang-jadi-tema-pelbagai-jenis-makanan>



Puding dan Ais Krim Malaysia



Putu Mayam



Biskut Masam Manis



Roti Bun Manis



Kuih Lapis



Roti Jala




KELUARGA  
MALAYSIA




Roti Canai



Laksam



Nasi Lemak




Cheese Tart



Puding Triple



Tempe



Brownies



Apom Kukus



Kek Rainbow



Puding



Sagu Gula Melaka



Mix Berry Pie



KELUARGA  
MALAYSIA



Kek Cawan



Buah Melaka



Kek Swiss Roll



Pizza



Kek Lapis Sarawak



Kek Marble



Pulut Kuning



Kek Red Velvet



Kuih Ketayap Pandan



Burger Malaysia



Puding Lapis Malaysia



Kuih Angku



# Kemerdekaan

Jamal Othman



**31 Ogos tarikh keramat  
1957 tahun kemerdekaan  
Perlu kita sentiasa beringat  
Maruah negara kita pertahankan**



**Perlu kita sentiasa beringat  
Maruah negara kita pertahankan  
Jangan kita jadi pengkhianat  
Bangsa bergolak negara tertekan**

**Jangan kita jadi pengkhianat  
Bangsa bergolak negara tertekan  
Kekalkan kemerdekaan setiap saat  
Anak cucu terpelihara demi kebaikan**



**Kekalkan kemerdekaan setiap saat  
Anak cucu terpelihara demi kebaikan  
Aman sejahtera, harmoni dan selamat  
Negara maju memacu wawasan**

**Aman sejahtera, harmoni dan selamat  
Negara maju memacu wawasan  
Semangat patriotisma perlu disemat  
Tanpa mengira adat dan kawan**



**Semangat patriotisma perlu disemat  
Tanpa mengira adat dan kawan  
Rakyat hidup sihat walafiat  
Penuh kesopanan dan kesusilaan**

\*Gambar : sumber dari Arkib Negara



## SEJARAH LOGO HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA

Muniroh Hamat



Tidak semua negara di dunia ini menggunakan logo sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara masing-masing. Malaysia merupakan antara negara yang melihat logo sebagai satu elemen penting yang dapat memainkan peranan dalam mengajak rakyat supaya lebih menjiwai makna sambutan Hari Kemerdekaan. Logo Hari Kemerdekaan telah wujud sejak tahun 1976 iaitu kira-kira 19 tahun selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957. Logo Hari Kemerdekaan yang pertama (1976) telah diperkenalkan oleh Tan Sri (kini Tun) Mohd. Ghazali Shafie selaku Pengurus Perayaan Hari Kebangsaan tahun tersebut. Mulai tahun tersebut, logo-logo telah direkacipta oleh sekumpulan pensyarah dan penuntut Institut Teknologi MARA Shah Alam (kini UiTM) berdasarkan tema perayaan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan.

Dalam tahun 1988, Tan Sri Sanusi Junid selaku Pengurus Perayaan Hari Kebangsaan telah menyarankan supaya satu pertandingan mencipta logo diadakan. Ianya bertujuan untuk mendapatkan karya yang lebih bermutu di samping menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam acara-acara sambutan Hari Kemerdekaan. Bermula tahun tersebut, pertandingan mencipta logo telah dikendalikan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan Mencipta Logo kecuali pada tahun 1991 di mana logo yang bertemakan 'Wawasan 2020' telah direkacipta khusus oleh Tuan Haji Hashim Hassan, seorang artis dan juga Pensyarah Kanan, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka di Institut Teknologi MARA, Shah Alam. Logo-logo yang digunakan pada tahun-tahun berikutnya telah dicipta oleh pemenang-pemenang pertandingan.

Logo Hari Kemerdekaan selalunya mencerminkan imej negara yang bebas dari jajahan kuasa luar. Elemen-elemen yang digunakan untuk merekabentuk sebuah logo Hari Kemerdekaan pada kebiasaannya mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan semangat cintakan negara. Logo biasanya direkabentuk dalam satu imej yang menarik, ringkas tetapi padat dengan maksud tersirat disebaliknya yang dapat menggambarkan semua mesej yang hendak disampaikan. Logo yang dicipta pada asalnya berfungsi sebagai tapak atau platform untuk kerajaan menyampaikan mesej kepada masyarakat tentang sesuatu isu, sebagai contoh logo yang melambangkan perpaduan, kesepakatan, semangat setiakawan dan sebagainya melalui bentuk atau elemen yang digunakan dalam logo Hari Kemerdekaan seperti bentuk bulat, orang, tangan dan sebagainya.



## Rajah 1 menunjukkan antara logo-logo untuk sambutan hari kemerdekaan Malaysia dari 1976-2021.

<b>1976</b>  Ketahanan Rakyat	<b>1977</b>  Bersatu Maju	<b>1978</b>  Kebudayaan Sendi Perpaduan	<b>1979</b>  Bersatu Berdisiplin	<b>1984</b>  Amanah Asas Kejayaan	<b>1985</b>  Nasionalisme Teras Perpaduan	<b>1986</b>  Bangsa Tegas Negara Teguh	<b>1987</b>  Setia Bersatu Berusaha Maju
<b>1980</b>  Berdisiplin Berbakti	<b>1981</b>  Berdisiplin Berharmoni	<b>1982</b>  Berdisiplin Giat Maju	<b>1983</b>  Bersama Ke Arah Kemajuan	<b>1988</b>  Bersatu	<b>1989</b>  Bersatu	<b>1990</b>  Berjaya	<b>1991</b>  Wawasan 2020
<b>1992</b>  Wawasan Asas Kemajuan	<b>1993</b>  Bersatu Menuju Wawasan	<b>1994</b>  Nilai Murni Jayakan Wawasan	<b>1995</b>  Jati diri Penggerak Wawasan	<b>2000-2006</b>  Keranamu Malaysia	<b>2007</b>  Malaysiaku Gemilang	<b>2008</b>  Perpaduan Teras Kejayaan	
<b>1996</b>  Budaya Penentu Kecapaian	<b>1997</b>  Akhlak Mulia Masyarakat Berjaya	<b>1998</b>  Negara Kita Tanggungjawab Kita	<b>1999</b>  Bersatu Ke Alaf Baru	<b>2009</b>  1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan	<b>2010</b>  1 Malaysia Menjana Tranformasi	<b>2011</b>  1 Malaysia Transformasi Berjaya Rakyat Sejahtera	<b>2012</b>  1M5 Merdeka Janji Ditepati
<b>2013</b>  Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku	<b>2014</b>  Malaysia... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta	<b>2015-2016</b>  Sehati Sejiwa	<b>2017</b>  Negaraku Sehati Sejiwa	<b>2018-2019</b>  Sayangi Malaysiaku	<b>2020</b>  MALAYSIA PRIHATIN		

## Tema Hari Kebangsaan 2021



Rajah 1: Logo Hari Kemerdekaan Malaysia (sumber: [www.malaysiamerdeka.gov.my](http://www.malaysiamerdeka.gov.my))



# MUSLIM YANG MERDEKA

Fadzilawani Astifar Alias &  
Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri



31 Ogos merupakan hari kemerdekaan negara kita yang tercinta, bumi Malaysia. Pada tahun ini genaplah sudah 65 tahun Malaysia merdeka. Ia bukanlah satu angka yang muda. Jika kita manusia pada usia itu pastinya sudah mempunyai kematangan yang tinggi dalam mengharungi kehidupan. Begitu juga untuk sebuah negara yang mana pada usia kemerdekaan itu sudah sepatutnya dapat menangani sagala cabaran yang datang dengan kematangan dan bijaksana.

Kemerdekaan untuk sebuah negara bermaksud pembebasan dari penjajahan. Dalam erti kata lain sesebuah negara bebas dalam menentukan apa yang penting untuk negara nya dari perbagai sudut seperti ekonomi, sosial ataupun politik. Tanggungjawab dan peranan setiap rakyat itu penting dalam menentukan hala tuju sesebuah negara di samping mengekalkan semangat kemerdekaan.

Begitu juga untuk setiap Muslim perlu ada semangat kemerdekaan ini. Kemerdekaan dalam Islam itu sangat suci maknanya kerana Islam itu sendiri membawa maksud kesejahteraan, kedamaian dan keamanan. Bagi seorang Muslim, nikmat kemerdekaan itu seharusnya disyukuri kerana kemerdekaan bukanlah bererti seorang Muslim itu bebas dalam menentukan corak hidupnya sendiri tetapi apa yang lebih utama adalah dia harus membebaskan pemikirannya daripada sifat-sifat yang tidak baik atau bersangka buruk terhadap Allah SWT. Oleh yang demikian, seorang Muslim yang merdeka adalah seorang Muslim yang bebas dari keruntuhan akhlak dan mempunyai sifat-sifat yang terpuji yang disukai oleh Allah SWT.

Namun begitu, melihat keadaan yang berlaku akhir-akhir ini, adakah Muslim mempunyai kemerdekaan itu? Hakikatnya banyak perkara yang berlaku kini menunjukkan kemerdekaan seorang Muslim itu telah hilang kerana kemerdekaan itu mula dicabar dan dicemari oleh akhlak seorang Muslim itu sendiri.

Jika kita lihat bagaimana sambutan kemerdekaan kini disambut. Banyak unsur yang tidak baik dimasukkan dalam acara sambutan itu sehingga hilanglah makna kemerdekaan itu sendiri. Jadi tidak mustahillah golongan muda kini keliru tentang erti sebenar kemerdekaan. Sekiranya sambutan kemerdekaan yang kita capai ini membawa kita semakin jauh dari kefahaman merdeka yang sebenar serta jauh dari apa yang telah ditetapkan dalam Islam, maka apa gunanya kemerdekaan itu? Sejak kebelakangan ini juga sering kita dengar penghinaan demi penghinaan, cacian terhadap agama Islam maka apakah sebenarnya kita faham tentang kemerdekaan itu? Apa yang lebih menyedihkan adalah cara kita berhadapan dengan penghinaan itu.

Oleh yang demikian, seharusnya kemerdekaan yang bakal kita sambut nanti, perlulah diisi dengan pengisian yang lebih memberi manfaat, kesedaran dan peringatan tentang makna kemerdekaan kepada seorang Muslim itu sendiri. Sambutan kemerdekaan seorang Muslim harus diisi dengan lebih banyak acara kesyukuran atas nikmat kebebasan yang dikurniakan Ilahi. Oleh yang demikian, ia bukan sahaja menjadikan Muslim mencintai negara ini tetapi mereka akan lebih faham akan makna serta bersyukur dengan nikmat menjadi Muslim di negara Malaysia yang merdeka.



# JOM KENALI BUNGA RAYA

Fadzilawani Astifar Alias



Mempunyai 5 kelopak  
bermaksud 5 Prinsip  
Rukum negara

MERAH melambangkan  
keberanian, Keteguhan  
Pentadbiran dan Ekonomi  
serta Keharmonian

Diiisytiharkan sebagai  
Bunga Kebangsaan  
Persekutuan Tanah  
Melayu pada 28 Julai  
1960

Pada awalnya, sebanyak 7  
jenis bunga telah  
dicadangkan oleh  
Kementerian Pertanian  
untuk menentukan Bunga  
Kebangsaan Negara iaitu :

- Bunga Kenanga
- Bunga Raya
- Bunga Melur
- Bunga Teratai
- Bunga Mawar
- Bunga Cempaka
- Bunga Tanjung

dan akhirnya, Bunga Raya  
atau Hibiscus Rosa-  
sinensis telah dipilih  
sebagai bunga kebangsaan  
Malaysia.



## Kenapa Bunga Raya Dipilih ?

- Berbunga sepanjang tahun
- Mudah ditanam
- Mudah didapati dalam negara
- Warnanya yang cantik dan menarik

Bunga Raya telah  
didaftarkan sebagai objek  
Warisan Negara di bawah  
kategori Objek Warisan  
Ketara pada 2007,  
sebagaimana termaktub  
dalam Akta Warisan  
Kebangsaan 2005.

**INILAH DIA BUNGA RAYA  
BUNGA KEBANGSAAN KEBANGGAAN KITA  
MERAH DAN PUTIH CANTIK WARNANYA  
MENJADI LAMBANG NEGARA MALAYSIA**

Kredit Foto : kindpng.com




# WARNA WARNI SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT UITM CAWANGAN PULAU PINANG PADA 7 SEP 2022 DI KAMPUS BERTAM





# WARNA WARNI SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT UITM CAWANGAN PULAU PINANG PADA 7 SEP 2022 DI KAMPUS BERTAM





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

## UNIT PENERBITAN DAN PUBLISITI

JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK  
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG

eISSN 2637-0077



EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2022